

Tarikh:

## Lembaran Pendedahan Produk

# Insurans Indemniti Profesional - Pengurusan Korporat/ Badan Pengurusan Bersama



Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Insurans Indemniti Profesional. Pastikan juga anda telah membaca termasuk terma dan syarat-syarat am.

### NOTIS PENTING

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

## 1. Apakah produk ini?

Kami akan menanggung rugi anda terhadap apa sahaja Tindakan Salah yang dilakukan atau dikatakan dilakukan oleh anda di dalam kapasiti anda sebagai Pengurusan Korporat / Badan Pengurusan Bersama semasa Tempoh Insurans. Tindakan Salah bermaksud apa saja perbuatan atau pengabaian, termasuk kesalahan, salah nyata, pengabaian atau mungkir daripada tugas, mungkir terhadap kepercayaan atau mungkir terhadap waranti pihak berkuasa. Perlindungan ini biasanya dikeluarkan atas Asas Tuntutan Dibuat iaitu tuntutan mestilah dibuat semasa tempoh polisi sentiasa dengan syarat bahawa Tindakan Salah berlaku semasa tempoh polisi pada atau selepas tarikh retroaktif (sekiranya ia dilindungi di bawah polisi). Tarikh retroaktif adalah tarikh selepas kerugian mungkin berlaku dan adalah dilindungi di bawah polisi ini.

## 2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

Tuntutan yang dibuat terhadap anda, pendulu anda dan mana-mana orang pada bila-bila masa yang digajikan oleh anda atau pendulu dalam perniagaan sedemikian untuk Tindakan Salah yang dilakukan atau dikatakan dilakukan.

- Sehingga had liabiliti secara keseluruhan untuk kesemua tuntutan di bawah polisi ini mengikut jumlah yang dinyatakan di dalam jadual. Walau bagaimanapun deduktibel yang dinyatakan di dalam jadual hendaklah ditanggung oleh anda pada risiko anda sendiri dan kami hanya akan bertanggungjawab untuk menanggung rugi anda dalam lebihan untuk jumlah sedemikian.
- Kos dan perbelanjaan yang terjadi dengan kebenaran bertulis kami di dalam pembelaan dan penyelesaian mana-mana tuntutan sedemikian. Sentiasa dengan syarat bahawa kos dan perbelanjaan sedemikian adalah sebahagian dan bukan tambahan kepada Had Liabiliti.
- Di dalam lingkungan had Wilayah dan Bidang Kuasa yang dinyatakan di dalam polisi

Tempoh perlindungannya ialah selama satu tahun. Anda dikehendaki memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun dengan menghantar borang cadangan yang lengkap untuk pertimbangan pembaharuan.

## 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada pendedahan risiko, keperluan pengunderitan pihak kami seperti bilangan unit yang diuruskan, bilangan ahli lembaga, dana pengurusan.

Dana Pengurusan : RM \_\_\_\_\_

Kadar Dikenakan : \_\_\_\_\_ %

Jumlah Premium Teranggar yang anda perlu bayar ialah : RM \_\_\_\_\_

## 4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- Cukai Perkhidmatan : 8%
- Duti setem : RM10.00
- Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) : 15% daripada premium atau RM \_\_\_\_\_

## 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.
- Setiap permohonan mestilah dihantar bersama-sama dengan borang cadangan yang lengkap.
- Anda mestilah memastikan bahawa had liabiliti mencukupi untuk melindungi risiko anda yang terdedah
- Anda mestilah mengisyiharkan dana pengurusan dan pengalaman tuntutan anda.
- Syarat Had Liabiliti - Liabiliti kami tidak akan melebihi jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual secara keseluruhannya untuk kesemua tuntutan di bawah Polisi ini.
- Syarat Tarikh Retroaktif - Jika tarikh retroaktif adalah dilindungi di bawah polisi ini, insurans ini tidak akan dikenakan untuk tuntutan yang dibuat terhadap Pihak Yang Diinsuranskan oleh alasan mana-mana tindakan salah yang dilakukan atau dikatakan telah dilakukan sebelum tarikh retroaktif tersebut.

## **6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi mana-mana liabiliti yang berkaitan dengan:

- Ketidakjujuran pekerja-pekerja
- Kecederaan anggota badan & kerosakan harta benda
- Libel (pernyataan fitnah dalam bentuk kekal) & Slander (pernyataan fitnah bukan dalam bentuk kekal)
- Kehilangan Dokumen
- Liabiliti yang diandaikan
- Denda, penalti, ganti rugi punitif dan teladan
- Usaha Sama
- Peperangan dan
- Keganasan

Nota : Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

## **7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?**

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang ditahan oleh pihak kami. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.

## **8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menjurut dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

## **9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?**

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Insurans Indemniti Professional - Penguruan Korporat/adan Penguruan Bersama atau mana-mana jenis produk insurans, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di [www.tokiomarine.com](http://www.tokiomarine.com).

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad  
Level 20, Menara Hap Seng 3,  
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,  
50250 Kuala Lumpur.

Customer Service Hotline: 1800 88 0812  
Email: [letusknow@tokiomarine.com.my](mailto:letusknow@tokiomarine.com.my)

### **NOTA PENTING**

Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi terus kami untuk keterangan lanjut.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.